

Raja Libas Sepak Takraw Negara: Tuan Haji Sahak Bin Mohd Yassin

Nurul Aina Akmal Fadzil
Nur Fasiha Noordin
Saiful Farik Mat Yatin
Ahmad Nazri Mansor
Mazwani Ayu Mazlan

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini adalah berdasarkan daripada sumber pembacaan, kajian dan sumber lisan yang telah dijalankan bersama Raja Libas Sepak Takraw Malaysia pada zaman kegemilangan sukan ini iaitu Tuan Haji Sahak Bin Mohd Yassin. Melalui sumber lisan yang telah dijalankan, beliau telah menceritakan serba sedikit latar belakang beliau sebagai pemain Sepak Takraw pada awal tahun 70-an. Minatnya kepada sukan ini bermula sejak di bangku sekolah lagi. Kesan daripada kegigihan dan cara latihan yang sangat konsisten pada setiap hari menyebabkan beliau digelar sebagai Raja Libas Sukan Sepak Takraw pada era 70-an. Artikel ini juga menceritakan tentang pengalaman pahit dan manis beliau sebagai pemain Sepak Takraw negara sehingga beliau bersara dari menjadi pemain kebangsaan. Artikel ini turut menyatakan pandangan dan pendapat beliau tentang perkembangan Sepak Takraw pada masa kini.

Kata Kunci: Sahak Mohd Yassin, Raja Libas, Sepak Takraw, Jurulatih, Sukan SEAP

Abstract

This article is based on reading, research and oral sources that has been conducted with Tuan Haji Sahak Bin Mohd Yassin, the Malaysian Sepak Takraw King of Spike during his glorious moments. He detailed his experience as Malaysian Sepak Takraw player in the early '70s through oral sources. His interest in this sport begun since his early school days. The results of his

passion and day-to-day training have led him in becoming the King of Spike in the 70's. This article also discusses of his ups and down as a national Sepak Takraw player until his retirement. This article also outlines his views and suggestions on the current development of Sepak Takraw.

Keyword: Sahak Mohd Yassin, King of Spike, Sepak Takraw, Coach, SEAP Games

Latar Belakang Tuan Haji Sahak Bin Mohd Yassin

Tuan Haji Sahak bin Mohd Yassin atau lebih dikenali dengan gelaran “*Pak Sahak*” merupakan anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau dilahirkan di Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 7 September 1947. Ibu dan bapa beliau turut berasal dari Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak ke-tujuh daripada Sembilan adik-beradik yang terdiri daripada seorang perempuan dan lapan orang lelaki. Kebanyakan daripada mereka telah meninggal dunia pada usia yang sangat muda dan kini hanya tinggal beliau serta seorang adik lelaki sahaja yang masih hidup. Pak Sahak telah berkahwin dengan Rokiah Binti Haji Basir pada tahun 1973 dan telah dikurniakan empat orang anak iaitu dua lelaki dan dua perempuan.



Gambar 1: Tuan Haji Sahak Bin Mohd Yassin

Pak Sahak mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Dato' Undang Kamat, Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Beliau seterusnya menyambung persekolahan di Sekolah Menengah Ugama Pasit, Johol, Negeri Sembilan. Namun begitu beliau terpaksa berhenti sekolah setakat tingkatan tiga sahaja atas faktor keluarga dan ekonomi. Bapa beliau merupakan seorang penoreh getah dan beliau terpaksa menjaga adik-beradik lain kerana ibunya telah meninggal dunia ketika usia beliau lapan tahun. Demi untuk membantu keluarga, beliau mengambil keputusan untuk memasuki Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada usia lapan belas tahun iaitu pada tahun 1965.

Penglibatan Awal Dalam Sukan Sepak Takraw

Pak Sahak mula menceburkan diri dalam sukan Sepak Takraw seawal usia tujuh tahun. Pada masa itu, beliau memulakan latihan hanya bersama rakan-rakan sekampung yang juga turut merupakan rakan sekolah bersama beliau. Beliau lebih cenderung untuk berlatih bersama-sama orang yang lebih tua atau lebih dewasa daripada beliau pada waktu lapang dan terluang. Hal ini menyebabkan beliau mempunyai kelebihan dalam meningkatkan tahap kemahiran, cara permainan malah mendapat lebih banyak pengalaman dan pendedahan apabila berlatih bersama-sama dengan orang lebih berusia dari beliau. Pada ketika inilah beliau mengambil peluang untuk mengasah bakat dan kemahiran rejaman dan libasan atau lebih dikenali sebagai "lipat" dalam Sepak Takraw. Bukan sahaja pada waktu terluang, beliau juga turut bermain Sepak Takraw pada waktu rehat di sekolah bersama rakan-rakannya. Disebabkan oleh minat beliau yang terlalu mendalam kepada sukan Sepak Takraw, beliau mempunyai sebiji bola takraw yang sentiasa dibawa ke mana-mana sahaja. Cikgu Karim merupakan jurulatih beliau yang pertama yang juga merupakan seorang jurulatih Sepak Takraw sekolah-sekolah di daerah Kuala Pilah. Beliau telah menyedari akan kehebatan dan kesungguhan Pak Sahak dalam sukan Sepak Takraw serta telah membantu Pak Sahak dalam menjadi seorang pemain Sepak Takraw yang baik dan berdisiplin.

Ketika berusia tiga belas tahun, beliau telah mewakili pasukan Sepak Takraw daerah Kuala Pilah. Pasukan beliau telah berjaya ke peringkat akhir walaupun kalah dengan pasukan yang mewakili Negeri Sembilan pada ketika itu. Di sinilah, bermulanya karier awal beliau sebagai seorang pemain Sepak Takraw. Pihak keluarga sangat memberi dorongan kepada beliau apabila melihat minat yang terlalu mendalam dalam sukan ini.

Setelah tiga tahun berkhidmat di ATM, pada tahun 1969, Ketua Kem Angkatan Tentera yang juga merupakan Ketua Pasukan Sepak Takraw ATM pada ketika itu menyedari akan kebolehan beliau dalam sukan ini. Beliau telah diserap masuk ke Bahagian Sukan sebagai atlet ATM. Bakat beliau ini dikesan rentetan dari penyertaannya dalam satu kejohanan di Kuching, Sarawak dimana regu beliau telah dinobatkan sebagai Johan dalam kejohanan tersebut. Beliau kemudian bertukar unit dari Rejimen Renjer Diraja (RRD) kepada Unit Kor Risik Diraja (KRD). Semasa mewakili pasukan ATM, beliau bermain sebagai apit kanan dan telah mewakili ATM dari tahun 1970 sehingga tahun 1975. Setelah mewakili ATM selama enam tahun, beliau diangkat pula untuk mewakili pasukan Selangor pada tahun 1976 sehingga tahun 1981. Pada

masa yang sama beliau telah mewakili Malaysia dari tahun 1971, sehingga tahun 1978.

Penglibatan Dalam Skuad Kebangsaan

Pak Sahak telah dipilih untuk mewakili negara pada tahun 1971. Antara kejohanan yang telah beliau sertai ialah Piala Emas Khir Johari, Piala Tunku Abdul Rahman, Piala Tun Razak, Piala Jabatan Kerajaan Malaysia, Piala Tan Sri Jamal Rais dan Sukan SEAP (Southeast Asean Peninsular). 'Untuk mewakili negara bukanlah mudah. Janganlah seseorang itu berharap untuk mewakili negara sekiranya tidak menunjukkan kehebatan atau kesungguhan dalam bidang sukan yang diceburi' (Sahak Yasin, 2019). Menurut beliau yang merupakan pemenang pingat emas dalam sukan SEAP tiga kali berturut-turut, kesemua kejayaan yang diperolehi beliau serta pasukannya merupakan hasil usaha serta disiplin yang sangat tinggi disamping minat yang mendalam serta kesungguhan. Ini termasuklah bimbingan para jurulatih untuk menaikkan lagi nama negara di mata dunia. Sejarah kehidupan beliau sebagai seorang tentera sebelum menjadi wakil negara merupakan salah satu faktor beliau mempunyai tahap disiplin yang sangat tinggi sehingga beliau dapat menjalani latihan fizikal secara bersendirian tanpa mendapat arahan daripada jurulatihnya sendiri. Boleh dikatakan latihan beliau adalah dua kali ganda berbanding dengan latihan atlet yang lain. Menurut beliau, jika ingin mencapai sesuatu kejayaan, hendaklah utamakan disiplin diri dan tidak melupakan Tuhan. Jika kedua-dua hal ini tidak berjalan seiring, perkara yang dihajati tidak akan tercapai atau mungkin sangat sukar untuk diperolehi. Beliau turut menyatakan bahawa sikap disiplin itulah yang sentiasa dipegang oleh beliau semasa mewakili Malaysia sehingga pasukan Malaysia tidak pernah tewas kepada pihak lawan lain terutamanya Thailand.

Pak Sahak merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan kaedah menghadang (*blocking*) atau dikenali sebagai menyekat serangan lawan dalam sukan Sepak Takraw (Amran Yahya, 2018). Kaedah ini telah diperkenalkan oleh beliau pada tahun 1972. Beliau mendapat ilham untuk membuat kaedah menghadang ini ketika beliau melihat teknik menghadang dalam permainan bola tampar. Walaupun pada mulanya idea ini tidak dipersetujui sepenuhnya oleh jurulatih, beliau tetap mencuba untuk membuktikan bahawa teknik ini merupakan teknik yang bagus dalam membantu permainan skuad negara. Sebelum adanya kaedah ini, pemain hanya akan menunggu dan menyambut atau mengangkat bola yang direjam

oleh pemain lawan. Namun begitu, sejak adanya kaedah menghadang, permainan Sepak Takraw ini menjadi bertambah menarik. Ini kerana terdapatnya serangan dan pertahanan dalam satu masa yang sama. Pak Sahak menyatakan bahawa kebanyakan daripada apit kanan pada masa ini suka mendarat menggunakan tangan dan jatuh di bahagian belakang. Hal ini boleh mencederakan anggota badan pemain. Namun begitu, dengan menggunakan kaedah menghadang iaitu mendarat menggunakan tapak kaki lebih dianjurkan bagi mengelakkan daripada berlakunya kecederaan. Sebagai bukti, beliau menyatakan beliau tidak pernah cedera semasa melakukan pendaratan disebabkan oleh penggunaan teknik pendaratan yang betul di samping latihan fizikal yang sangat mencukupi. Selain daripada itu, seorang lagi lagenda Sepak Takraw negara, Adnan Saidin turut menggunakan kaedah ini. Setelah kaedah ini diperkenalkan oleh Pak Sahak, kaedah ini telah digunakan oleh ramai pemain dari masa ke semasa dan akhirnya teknik ini telah digunakan oleh kebanyakan pemain dari dalam dan luar negara.

Pak Sahak mempunyai kebolehan membuat senjata libasan gunting dan libasan pari (gulung) seperti peluru sehingga menyebabkan kehebatan beliau tidak mampu ditandingi oleh pihak lawan pada ketika itu. Beliau telah mewakili negara dalam kejohanan Sepak Takraw sama ada dalam atau luar negara lebih daripada 40 kali. Beliau bersama pasukannya tidak pernah sekalipun tewas di tangan pihak lawan. Pasukan negara pada ketika itu sentiasa membawa pulang pingat emas di setiap kejohanan. Antara kejohanan yang telah dimenangi oleh skuad negara sepanjang beliau menjadi pemain negara ialah, Piala Emas Khir Johari sebanyak enam kali, Piala Tunku Abd Rahman sebanyak lima kali, Piala Tun Abd Razak sebanyak empat kali, Piala Jabatan Kerajaan, Piala Tan Sri Jamal Rais sebanyak tiga kali. Kemudian di peringkat antarabangsa, pasukan beliau telah memenangi pingat emas dalam Sukan SEAP 1973, Sukan SEAP 1975 dan juga sukan SEAP 1977.



Gambar 2: Antara pingat dimenangi sepanjang bertanding dalam sukan Sepak Takraw.

Pada tahun 1979, pasukan Sepak Takraw negara telah menyertai sukan SEA di Jakarta dan telah berjaya merangkul pingat emas dalam kejohanan tersebut. Hal ini telah meletakkan negara sebagai pasukan handalan malah sangat digeruni oleh negara serata Asia Tenggara pada ketika itu. Pada tahun 1980, Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) dibawah naungan Tan Sri Ahmad Idris pada ketika itu dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan siri pertunjukan di Republik Rakyat China, Korea Utara dan Hong Kong (2016). Berikutan daripada siri pertunjukan ini, ianya dapat menembusi minat bukan sekadar di Asia Tenggara, malah menembusi minat di peringkat Asia dalam sukan ini. Dengan bertambahnya kejayaan yang telah dikecapi oleh pasukan negara, penaja semakin yakin bahawa Malaysia adalah pasukan yang amat digeruni di peringkat antarabangsa. Rentetan daripada itu, semakin ramai jaguh yang lahir.

Pasukan Malaysia sangat teguh dan dominan dalam tempoh yang agak lama sehingga dapat menyapu semua pingat emas dalam Sukan SEAP juga sukan SEA kecuali Sukan SEAP di Bangkok, Thailand pada 1967 di mana Malaysia hanya memenangi pingat perak. Selain daripada itu, Malaysia juga tidak dapat mengumpul emas dari Kejohanan Sukan SEAP di Rangoon, Myanmar pada 1969 kerana sukan Sepak Takraw tidak dipertandingkan dalam kejohanan tersebut (Kebayan Jelita, 2018).

Anugerah Yang Diterima

Pak Sahak telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 2018 bersempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-70 di Istana Besar Diraja Seri Menanti (MStar, 2018). Selain daripada itu, beliau telah dicalonkan serta berjaya mendapat anugerah sebagai Olahragawan Sepak Takraw Kebangsaan tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 1973, 1975, dan 1977. Di Sukan SEA 1977, beliau diberi kepercayaan sebagai Ketua Pembaca Ikrar dalam kejohanan tersebut. Pada ketika itu, beliau berada di tempat kedua iaitu di belakang Mokhtar Dahari, bintang bola sepak negara yang juga merupakan sahabat baiknya. Semua anugerah dan penghargaan kepada beliau amat berbaloi kerana begitu banyak jasa yang disumbang oleh beliau dalam menaikkan nama negara di mata dunia terutama dalam bidang sukan Sepak Takraw. Antara pencapaian beliau yang tidak boleh disangkal lagi ialah pasukan Malaysia tidak pernah tewas sepanjang karier beliau di semua peringkat sama ada di dalam negara dan luar negara terutama di peringkat antarabangsa. Asas

penciptaan menghadang kaki yang telah diilhamkan oleh beliau pada tahun 1972 yang sangat membantu dalam kejayaan pasukan Malaysia serta telah menjadikan satu teknik yang amat baik untuk digunakan oleh semua pasukan termasuk pasukan lawan hinggan teknik ini menjadi suatu fenomena dalam dunia Sepak Takraw.

Aktiviti Selepas Pencen Sebagai Atlet Negara

Pak Sahak telah menarik diri daripada menjadi wakil Malaysia pada tahun 1979. Hal ini kerana beliau telah mengalami kemalangan yang serius pada ketika itu. Beliau tidak mampu meneruskan perjuangan menjadi seorang pemain Malaysia yang hebat berikutan kecederaan yang dialami oleh beliau telah memberi impak yang mendalam. Hal ini kerana tulang di bahagian bahu beliau tidak berada di kedudukan yang normal. Ini boleh menyebabkan kesakitan ketika beliau bermain Sepak Takraw terutama ketika beliau melakukan pendaratan atau jatuh. Pada Oktober 2017, Pak Sahak telah dilantik menjadi Konsultan Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSTM). Setelah menjadi konsultan, beliau boleh melihat sendiri corak permainan pemain negara. Beliau telah berusaha sehabis baik untuk mengembalikan kehebatan Malaysia di peringkat antarabangsa. Jikalau dahulu, negara seperti Brunei, Indonesia, Singapura, Myanmar, Laos dan Filipina merupakan belasan skuad negara. Namun begitu, kini keadaan berlaku sebaliknya. Menurut pemerhatiannya, disiplin seseorang pemain sangat penting dalam menyediakan skuad kebangsaan yang hebat. Setelah 24 tahun skuad Sepak Takraw negara kemarau daripada mendapatkan pingat emas, skuad kebangsaan berjaya menghadihkan pingat emas pada Ogos 2018 di Sukan SEA 2018 yang berlangsung di Kompleks Sukan Jakabaring, Indonesia. Beliau amat berbangga dengan kemenangan ini setelah Malaysia kali terakhir memenangi acara itu pada Sukan SEA 1994 di Hiroshima Jepun (Portal Rasmi Kementerian Belia Dan Sukan, 2018). Sebagai seorang konsultan, beliau diberi tanggungjawab untuk memerhati setiap perlawanan yang berlangsung yang melibatkan pemain negara sama ada di dalam atau di luar negara. Beliau juga terlibat dalam pemilihan pemain kebangsaan dalam usaha menyediakan pasukan Sepak Takraw yang terbaik untuk mewakili negara.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Pak Sahak merupakan seorang individu yang sangat berjiwa besar dalam setiap perkara yang dilakukan dan dihadapi oleh beliau. Kecederaan yang dialami oleh beliau antara punca beliau bersara daripada menjadi seorang atlet kebangsaan dalam sukan Sepak Takraw. Walau bagaimanapun, beliau masih berkecimpung bermain bersama pasukannya untuk beberapa kejohanan yang diadakan di dalam negara. Oleh kerana semangat dan cintanya yang sangat mendalam terhadap Sepak Takraw, beliau tetap terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam dunia Sepak Takraw sehingga sekarang. Kini, beliau yang merupakan seorang Konsultan dan Ketua Pemantau Persatuan Sepak Takraw Malaysia amat komited dalam melaksanakan tugasnya untuk memastikan skuad Sepak Takraw negara keluar dari zaman kejatuhan dan ianya terbukti apabila Malaysia telah berjaya memenangi kejohanan Sukan SEA di Palembang pada tahun 2018.

Pak Sahak juga merupakan seorang yang bercita-cita tinggi dan ikhlas dalam setiap tindakannya. Beliau berusaha sedaya upaya dalam melatih pasukan negara untuk memenangi setiap perlawanan demi mengharumkan nama Malaysia di persada dunia tanpa mengharapkan balasan yang melimpah ruah. Namun begitu, beliau sangat menghargai penghargaan yang diberikan kepada beliau. Antara penghargaan yang diberikan kepada beliau adalah Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 2018 bersempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-70. Menurut beliau, jika ingin mencapai sesuatu kejayaan, hendaklah utamakan disiplin diri dan tidak melupakan Tuhan. Jika kedua-dua hal ini tidak berjalan seiring, perkara yang dihajati tidak akan tercapai atau mungkin sangat sukar untuk diperolehi (Sahak Yassin, 2018).

Rujukan

Amran Yahya. (2018, January 20). Libasan gunting digeruni lawan. MyMetro. Retrieve from: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/01/305405/libasan-gunting-digeruni-lawan>

Kebayan Jelita. (2018, August 28). Sejarah Sepak Takraw Dari Zaman Melaka Sehingga Kini. [Blog post]. Retrieve from <https://www.thepatriots.asia/sejarah-sepak-takraw-dari-zaman-melaka-sehingga-kini/>

Portal Rasmi Kementerian Belia dan Sukan. (2018, September 3). Sepak Takraw Tamat Penantian 24 Tahun. Retrieve from <http://www.kbs.gov.my/arkib-berita-kbs/4490-sepak-takraw-tamat-penantian24tahun.html?highlight=WyJzZXBhayIsInRha3JhdylsInNlcGFrIHRha3JhdYJd>

Tuan Haji Sahak Mohd Yassin. (15 Oktober 2019). temubual personal.

Anonymous. (2018, January 21). Pak Sahak Pernah Digeruni Thailand. mStar. Retrieve from: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/01/21/pak-sahak>